

TALKING POINTS

**YB. DATO` SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA
KARNIVAL RAKYAT GIAT MARA
PARLIMEN BATU**

**DATARAN TANAH LAPANG,
KG. PADANG BALANG,
SENTUL, KL**

**PADA 12 MEI 2016 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 12.15 TGH**

SALUTASI SEWAJARNYA

PENDAHULUAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia dan inayah-NYA, pada hari ini dapat kita berkumpul dalam majlis yang amat bermakna iaitu Majlis Perasmian Penutup Karnival Rakyat Padang Balang.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berbahagia Dato' Azian Bin Othman, Pengerusi GIATMARA** dan **YB. Senator Datuk Hj. Yahaya Bin Mat Ghani, Ketua Umno Bahagian Batu** kerana sudi menjemput dan memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama beramah mesra dengan penduduk dan masyarakat setempat sekaligus merasmikan majlis perasmian penutup yang akan disempurnakan sebentar sahaja lagi.
3. Saya amat berharap agar program *engagement* seperti ini terus menjadi platform penting untuk agensi kerajaan seperti GIATMARA dan agensi-agensi di bawah KKLW untuk berinteraksi dengan masyarakat setempat di samping boleh merapatkan jurang pemimpin dengan rakyat.

4. Di samping itu juga, melalui program seperti ini kita sebagai pemimpin juga dapat menyelami dan mendengar keluh kesah, rungutan dan denyut nadi rakyat sekaligus akan memotivasikan kita untuk bekerja dengan lebih gigih lagi membela nasib rakyat.

KERJASAMA KEMENTERIAN

5. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat yang terbanyak, kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur khususnya di kawasan luar Bandar termasuklah di *Greater KL*. Kuala Lumpur bandaraya yang indah juga memerlukan insfrastuktur yang sebaiknya. Sekalipun Kuala Lumpur di bawah naungan Kementerian Wilayah Persekutuan, namun KKLW dan agensinya sentiasa bekerjasama dalam pembangunan negara sama ada dalam bandar mahupun luar bandar.

6. Di mana kita sedia maklum bahawa walaupun kita berada di dalam bandar, di tengah-tengah Kota Metropolitan Kuala Lumpur ini, kita juga menghadapi masalah miskin dalam bandar, masaalah gelandangan dan *homeless*. Antara program yang kita laksanakan pada hari ini adalah menjadi salah satu focus kami di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya masyarakat kampung di dalam Kuala Lumpur ini boleh berdikari dengan ilmu kemahiran yang diberi. Saya difahamkan Kursus 1 Malaysia yang dilaksanakan di sini pagi tadi ialah Kursus Sulaman Manik dan Sulaman Riben, kursus ini boleh membantu para surirumah untuk menjana pendapatan dengan kemahiran sulaman manik.

KEPERLUAN GUNA TENAGA KERJA

7. Berbaki kurang daripada lima (5) tahun lagi Negara kita akan menuju wawasan sebagai Negara maju dan berpendapatan tinggi. Pada tahun 2020, kerajaan telah mensasarkan seramai enam puluh (60) peratus daripada 1.5 juta peluang pekerjaan adalah terdiri daripada graduan TVET.

8. Justeru, kerajaan telah mengambil langkah berani untuk mengarus perdanakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional yang diyakini mampu untuk melonjakkan pembangunan modal insan ke tahap yang lebih baik sesuai dengan keperluan industri. Tuan-tuan dan puan-puan yang berada di Wilayah Batu ini, boleh lah menghubungi GIATMARA untuk mendaftar anak-anak yang baru habis menduduki peperiksaan SPM untuk mendapat ilmu kemahiran dalam pelbagai bidang, supaya selari dengan arus perdana pendidikan negara yang menjurus kepada latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang menjadi peneraju kemajuan negara.

HARAPAN DAN NASIHAT

9. Saya turut dimaklumkan sepanjang hari ini, beberapa program telah diatur oleh pihak GIATMARA seperti Latihan 1Malaysia yang melibatkan Kursus Sulaman Riben dan Sulaman Manik, Demonstrasi Kursus-kursus latihan di GIATMARA selain Servis Motosikal Secara PERCUMA yang diberikan kepada Penduduk Kampung ini.

10. Adalah diharapkan melalui penganjuran program seperti ini, ianya dapat memberi gambaran yang sebenar tentang konsep pendidikan teknikal dan vokasional yang semakin mendapat tempat di negara-negara maju. Mudah-mudahan usaha murni seperti ini sentiasa mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya kepada warga kariah dan pemimpin masyarakat.

11. Justeru, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan warga kariah selaku ibu bapa, dan mereka yang ada anak-anak, agar sentiasa memberikan fokus dan tumpuan kepada pendidikan anak-anak kita kerana hanya dengan pendidikan yang sempurna kita mampu untuk mengubah masa depan lebih baik.

12. Sekiranya anak-anak kita kurang cemerlang dalam pendidikan yang bersifat akademik, galakkanlah mereka untuk mengikuti latihan teknikal dan vokasional kerana pendidikan alternatif ini juga mampu memberikan peluang pekerjaan yang baik sekaligus memberikan pendapatan yang lumayan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Harapan kementerian saya ialah untuk “**MEMBANDARKAN LUAR BANDAR**” yang membantu masyarakat luar bandar juga tidak lupa kepada **MASYARAKAT DALAM BANDAR** untuk menjadi warga bandar yang cemerlang, gemilang, kompetitif dan berdaya maju.

Jika ini semua lengkap , mudah bagi pelabur untuk membuat pelaburan, maka akan membantu ekonomi negara.

PENUTUP

13. Akhir kata, sama-samalah kita untuk terus berusaha dengan lebih gigih lagi bagi meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi agar masyarakat kita pada keseluruhannya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan perdana yang kian rancak berlaku pada ketika ini.

14. Usahlah kita hanya bergantung kepada bantuan semata-mata, sebaliknya kita hendaklah menjadi satu masyarakat yang bijak dan pandai merebut peluang yang disediakan. Kami tidak mahu rakyat hanya pandai makan ikan, tapi kami mahu rakyat pandai mengail dan menjala ikan sebagai bekalan berterusan mereka. Maka itulah mereka mestilah ada kemahiran untuk berdikari.

Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM..saya dengan rasminya Menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Karnival Rakyat di Kampung Padang Balang ini.

Sekian, wabillahitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih

Syabas dan Tahniah.